

# **PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI**





**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN)  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI  
DAN AGENSI NEGERI PERLIS TAHUN 2021**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Perlis Tahun 2021. LKAN ini mengandungi laporan berkaitan Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021; Analisis Kewangan Kerajaan Negeri serta Penyerahan, Pengesahan dan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri. Perincian bagi setiap bahagian adalah seperti berikut:

**1.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021**

- a. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021 Tanpa Teguran dengan perenggan Hal-hal Lain telah ditandatangani pada 23 Jun 2022.
- b. Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perlis bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. Rekod perakaunannya juga telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

**c. Hal-hal Lain**

- Kerajaan Negeri Perlis hendaklah memastikan pembayaran pembangunan di bawah peruntukan Geran Pemberian Tahap Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (Pemberian Tahap) oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perlis mematuhi Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa bagi perkara berikut:
  - memastikan pembayaran di bawah Pemberian Tahap dibuat terhadap bekalan, perkhidmatan dan kerja yang telah disempurnakan;
  - menambah baik kawalan dalaman dan menyediakan prosedur operasi standard bagi tatacara pengurusan pembayaran selaras dengan peraturan kewangan yang berkuat kuasa; dan
  - menjalankan siasatan terhadap pembayaran yang tidak wajar dan memastikan tindakan pembetulan dilaksanakan dengan segera.

## **1.2. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri**

- a. Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perlis pada tahun 2021 adalah stabil berdasarkan Matriks Kedudukan Kewangan Tahun 2021.
- b. Kutipan hasil pada tahun 2021 meningkat sejumlah RM0.32 juta atau 0.3% menjadi RM114.02 juta. Bagaimanapun, perbelanjaan mengurus meningkat sejumlah RM4.49 juta atau 3.3% menjadi RM137.18 juta pada tahun 2021 berbanding RM132.69 juta pada tahun 2020.
- c. Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2021 menunjukkan defisit semasa berjumlah RM23.16 juta. Defisit pada tahun 2021 meningkat sebanyak RM4.17 juta berbanding defisit RM18.99 juta pada tahun 2020. Defisit terkumpul Akaun Hasil Disatukan terus meningkat menjadi RM497.02 juta atau 4.9% berbanding RM473.86 juta pada tahun 2020.
- d. Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2021 menunjukkan penurunan berjumlah RM5.72 juta atau 1.1% menjadikan baki pada tahun 2021 berjumlah RM535.26 juta berbanding RM540.98 juta pada tahun 2020. Akaun Pinjaman Disatukan pada tahun 2020 dan 2021 berbaki sifar. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2021 adalah berjumlah RM38.24 juta, iaitu menurun sejumlah RM28.88 juta (43%) berbanding RM67.12 juta pada akhir tahun 2020.
- e. Baki Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sejumlah RM0.29 juta atau 0.3% daripada RM107.39 juta pada tahun 2020 kepada RM107.68 juta pada tahun 2021. Jumlah Hutang Awam meningkat sejumlah RM12.39 juta atau 4.4% menjadi RM291.73 juta berbanding RM279.34 juta pada tahun 2020. Tiada pelaburan dibuat oleh Kerajaan Negeri Perlis bagi tahun 2020 dan 2021.

## **1.3. Penyerahan, Pengesahan dan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri**

- a. Pengauditan penyata kewangan dilaksanakan terhadap lapan agensi negeri yang terdiri daripada enam Badan Berkanun Negeri (BBN), satu Majlis Agama Islam (MAI) dan satu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

- b. Kesemua enam BBN dan satu PBT serta satu MAI telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 untuk diaudit. Tujuh daripada lapan agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum atau pada 30 Jun 2022. Manakala satu Agensi mengemukakan penyata kewangan selepas tempoh ditetapkan setelah mendapat kelulusan pelanjutan tempoh sehingga 29 Julai 2022 daripada Pegawai Kewangan Negeri Perlis.
  - c. Setakat 31 Ogos 2022, hanya enam penyata kewangan agensi negeri telah disemak dan disahkan. Sebanyak tiga penyata kewangan telah disahkan dengan Pendapat Tanpa Teguran iaitu Majlis Sukan Negeri Perlis, Lembaga Pemegang Amanah Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Perlis dan Kumpulan Wang Hadiah Pelajaran Rakyat (Bukan Melayu) Negeri Perlis. Manakala tiga penyata kewangan telah disahkan dengan Pendapat Berteguran iaitu Yayasan Islam Perlis, Majlis Perbandaran Kangar dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis. Bagaimanapun, satu penyata kewangan BBN dan satu MAI bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 sedang dalam proses pengauditan dan belum disahkan.
  - d. Sebanyak tujuh penyata kewangan tahun 2020 yang telah disahkan oleh Ketua Audit Negara telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Perlis pada 7 Disember 2021 manakala penyata kewangan Majlis Sukan Negeri Perlis tidak dibentangkan di Dewan Undangan Negeri kerana tidak dikehendaki oleh Akta Tubuh.
2. Secara keseluruhannya, sebanyak lima syor Audit yang diberikan oleh Ketua Audit Negara. Tiga syor kepada Kerajaan Negeri Perlis dan dua syor kepada agensi negeri.

